

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MINGGU DESTINI SISWA
UiTM CAWANGAN SELANGOR
SESI MAC 2025**

**12 MAC 2024 | RABU | 11.00 PAGI
PEJABAT REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

Mahasiswa mahasiswi baharu UiTM Cawangan
Selangor yang saya kasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan inayah-Nya kita dapat bertemu bagi **Sesi Bersama Pengurusan UiTM Cawangan Selangor sempena Minggu Destini Siswa sesi Mac 2025.**

2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan Selamat Datang ke UiTM Cawangan Selangor kepada semua Mahasiswa Mahasiswi Baharu yang baru sahaja mendaftar ke universiti keramat ini.
3. Untuk pengetahuan semua, UiTM Cawangan Selangor merangkumi 5 buah kampus, iaitu Kampus Puncak Alam, Kampus Puncak Perdana, Kampus Sungai Buloh, Kampus Selayang dan Kampus Dengkil.
4. Anda semua haruslah berbangga kerana telah berjaya terpilih menjadi sebahagian daripada keluarga UiTM Cawangan Selangor atau lebih mesra dikenali sebagai UCS.

Mahasiswa yang saya kasihi sekalian,

5. Sukacitanya saya memperkenalkan Pengurusan Eksekutif di UiTM Cawangan Selangor yang diketuai oleh saya sendiri selaku Rektor UiTM Cawangan Selangor.

Prof. Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat	Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi)
Prof. Dr Norazmir Md Nor	Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)
Prof. Dr Mohd Hafiz Mohd Hanafiah	Timbalan Rektor (Hubungan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (iCARE))
Prof. Madya Dr. Mohd Haidzir Abd Manaf	Penolong Rektor Kampus Sungai Buloh dan Selayang
Prof. Ir. Dr. Ahmad Farid Abidin	Pengarah Pusat Asasi

Pn. Alfina Bakar	Ketua Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia
Pn. Noor Alzura Alang Idris	Ketua Timbalan Bendahari
Ts. Hj. Mohamad Hamidi Hj. Mohd Jais	Ketua Timbalan Pustakawan
Ts. Zainolasri Abdul Sani	Pengarah Pejabat Pengurusan Fakulti

6. Seterusnya, merupakan barisan dekan-dekan fakulti yang berada di UiTM Cawangan Selangor, termasuk Pengarah Pusat Kecemerlangan yang juga merupakan sebahagian daripada Pengurusan Eksekutif UCS.

7. Untuk makluman semua, UiTM Cawangan Selangor terdiri daripada 8 Fakulti, 3 Kolej Pengajian dan 1 Pusat Akademik iaitu Pusat Asasi.
8. UCS juga memiliki 4 Pusat Kecemerlangan iaitu iPROMISE, AuRins, i-PPerForM dan CaVaLRI.
9. Manakala 130 Program Akademik yang ditawarkan di UCS yang terdiri daripada 4 program Asasi, 1 program Diploma, 40 program Sarjana Muda, 54 program Sarjana dan 31 program Doktor Falsafah.
10. UiTM Cawangan Selangor juga mempunyai kemudahan kesihatan yang tidak ada di cawangan atau kampus UiTM lain, iaitu Hospital Al-Sultan Abdullah di Kampus Puncak Alam dan

Pusat Pakar Perubatan UiTM Kampus Sungai Buloh.

11. Dalam memastikan kebajikan mahasiswa UCS terpelihara, terdapat pelbagai kemudahan pelajar yang tersedia untuk kegunaan semua.

12. Pertama sekali, Unit Residensi & Hospitaliti Pelajar yang mampu menempatkan seramai 23,019 orang mahasiswa.

13. Selain itu, di setiap kampus UiTM Cawangan Selangor terdapat Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) yang boleh dimanfaatkan oleh setiap pelajar bagi mencari bahan bacaan akademik dan menjadi tempat belajar yang kondusif yang dilengkapi dengan pendingin hawa selain meja dan kerusi yang selesa.

14.Selain hospital dan pusat pakar perubatan, terdapat juga Pusat Kesihatan yang boleh dikunjungi oleh seluruh warga UiTM Cawangan Selangor sekiranya mempunyai masalah kesihatan.

15.Di UCS juga terdapat fasiliti kesihatan lain seperti Pusat Fisioterapi, Klinik Optometri dan Farmasi bagi menjamin kesejahteraan mahasiswa UCS.

Mahasiswa sekalian,

16.UCS juga mempunyai Pusat Islam yang pada kebiasaannya akan diadakan pelbagai aktiviti kerohanian dan keagamaan di samping menjadi tempat beribadah bagi kaum Muslimin pada Hari Jumaat.

17.Umum sedia maklum bahawa geografi bentuk muka bumi di UiTM Cawangan Selangor

terutamanya di kampus Puncak Alam sangat luas dan berbukit, akan tetapi pihak pengurusan UCS telah mengambil inisiatif dengan menyediakan perkhidmatan pengangkutan seperti bas UiTM dan bas RapidKL.

18.Sukacita untuk saya mengingatkan semua pelajar baharu bahawa penyediaan perkhidmatan bas adalah terhad dengan mengambilkira kos yang perlu ditanggung oleh pihak pengurusan.

19.Jadi, anda perlulah peka dengan jadual perjalanan yang telah disediakan dan belajar untuk menguruskan masa sesuai dengan waktu kuliah bagi memastikan tidak berlaku kesesakan di tempat-tempat menunggu bas.

20.Kepada mahasiswa yang aktif bersukan pula, anda semua tidak perlu risau kerana di UCS

terdapat pelbagai kemudahan sukan dan rekreasi seperti Gelanggang Bola Keranjang, Padang Bola Sepak dan Gimnasium yang disediakan.

21.Kemudahan ini boleh dimanfaatkan oleh semua mahasiswa bagi menjamin gaya hidup yang sihat di samping mencerdaskan minda anda sepanjang menuntut ilmu di universiti ini.

22.Para pelajar semua juga tidak perlu risau akan kelangsungan makanan di UCS kerana setiap kampus dilengkapi dengan kafeteria dan kiosk makanan yang menawarkan pelbagai jenis hidangan yang dijual pada harga mampu milik.

**Mahasiswa dan mahasiswi yang dikasihi
sekalian,**

23. Sebelum mengakhiri kata, sekali lagi saya mengucapkan selamat datang ke UiTM Cawangan Selangor dan selamat maju jaya kepada setiap satu daripada anda yang bakal menjalani kehidupan sebagai mahasiswa.

24. Saya berharap anda akan merasakan kehangatan dan sokongan dari seluruh warga UiTM sepanjang perjalanan anda di sini.

25. Saya juga ingin berpesan, sekiranya terdapat sebarang masalah yang dihadapi, atau aduan yang ingin dibuat, majukanlah kepada saluran yang telah disediakan.

26. Sila bertanya dan merujuk kepada pihak-pihak yang sepatutnya agar dapat menghindarkan sebarang polemik atau kesalahfahaman yang mungkin berlaku.

27. Sebagai pihak yang sentiasa menitik beratkan aspek kebajikan dan kesejahteraan para pelajar, pengurusan UCS sentiasa berusaha untuk mengekalkan dasar ini bersesuaian dengan kemampuan yang ada.
28. Sebagai pelajar yang bergelar ‘mahasiswa’ yang matang dari segi fikiran, tindakan, dan membuat keputusan – anda semua haruslah bertindak dengan penuh tanggungjawab agar imej dan reputasi nama baik UiTM terjaga.
29. Saya juga yakin anda semua mampu untuk mengatasi cabaran dan mencapai kejayaan yang gemilang – InsyaAllah.
30. Jadilah mahasiswa yang bermakna, pejuang yang gigih, dan pemimpin masa depan yang cemerlang bagi seluruh warga UiTM.

31. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa di dalam bulan Ramadhan Al-Mubarak kepada mahasiswa mahasiswi UiTM Cawangan Selangor.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**